

Bermula Dengan Benjolan

Siti Noraini mengalami penyakit tulang belakang yang dipanggil 'Scoliosis Idiopatik Remaja'.

Hatinya sering tertanya, mengapa dia yang perlu melalui ujian ini. Walaupun bibirnya sentiasa tersenyum setiap kali diusik rakan sekolah, jauh di lubuk hati tersimpan kepedihan, terutama apabila melihat diri di cermin.

Dari depan Siti Noraini Azman 14, kelihatan sama seperti remaja perempuan lain. Masalahnya ialah apabila dia berdiri, bahunya tidak sama tinggi dan badannya bengkok sedikit kerana tulang belakangnya bengkok.

Siti Noraini mengalami penyakit tulang belakang yang dipanggil 'Scoliosis Idiopatik Remaja'. Bagaimana masalah ini terjadi, tiada siapa yang tahu puncanya. Masalahnya hanya disedari 2 tahun lalu ketika Siti Noraini berusia 12 tahun. Bagaimanapun, ketika itu dia hanya melihat satu benjolan kecil di belakang badannya.

Oleh kerana ia tidak sakit, masalah itu dibiarkannya dan beranggapan benjolan akan hilang dalam sedikit masa. Namun, sangkaannya meleset kerana benjolan itu semakin membesar, tetapi masih tidak menyebabkan rasa sakit.

Setahun berlalu, benjolan semakin besar sehingga sukar disorok di bawah baju. Badannya juga kelihatan bengkok. Ayah dan ibunya, Azman Hashim, 42 dan Rosamah Bakri, 38, mula menyedari keganjilan pada badan anak sulung mereka tetapi oleh kerana Siti Noraini tidak pernah merungut, perkara itu didiemkannya saja.

Ada tidak ada, sesekali Siti Noraini merungut terasa sesak dada, sengal tulang dan sukar bernafas. Pernah dia mengadu benjolan itu membuatkan dia tidak selesa ketika duduk dan baring. Dia juga tidak boleh duduk tegak seperti orang lain.

Jika dilihat pada sikapnya yang periang dan aktif bersukan seperti lompat tinggi dan lompat jauh, tiada siapa menyangka dia menghidap masalah tulang belakang tidak normal.

Saya tidak sangka dia menghidap penyakit tulang belakang macam ini sebab ia tidak pernah berlaku dalam keluarga kami. Perkara ini saya ketahui apabila membawa Siti Noraini ke klinik kerana dia mengadu sakit perut.

Ketika itu saya bertanya doktor mengenai benjolan pada badan belakang dia. Doktor beritahu ia berbahaya dan perlu rawatan segera. Siti Noraini kemudian dirujuk ke hospital di Johor Bahru, kata Azman yang bekerja sebagai penoreh getah di Segamat, Johor.

Selepas diperiksa, Siti Noraini disahkan mengalami masalah scoliosis. Namun, tiada rawatan diberikan kepadanya selain ujian sinar-x bagi melihat keadaan tulang belakang.

Melalui ujian sinar-x itu, didapati tulang belakang Siti Noraini bengkok ke arah kanan. Bagaimanapun, doktor tidak memberi nasihat, sebaliknya menyuruh Siti Noraini datang menjalani pemeriksaan susulan setiap tiga bulan.

Hanya pada pemeriksaan ketiga (iaitu selepas sembilan bulan) baru dia diberitahu hospital itu tiada kepakaran untuk merawatnya dan dia dirujuk pula ke Jabatan Ortopedik dan Traumatologi, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Dalam tempoh 9 bulan itu, keadaan Siti Noraini bertambah teruk. Tulang belakangnya semakin panjang dan bengkok.

Apabila doktor beritahu saya kos rawatan berjumlah RM 18,000, saya tergamam. Rasa macam hendak pengsan. Di mana hendak saya cari wang sebanyak itu. Dengan pendapatan hanya RM 500 sebulan, saya memang tidak mampu tanggung rawatan Siti Noraini. Hati ibu dan ayah mana tidak sedih melihat keadaan anak yang begini, katanya sambil memandangi anak perempuan tunggalnya.

Anak sulung daripada enam beradik itu juga hampir juga hilang kata-kata ketika ditemui. Dia sedar, pendapatan ayah yang hanya cukup untuk belanja mereka seharian tidak mungkin dapat membayar harga alat implan semahal itu.

Sesekali saya rasa sedih apabila kawan mengejek. Selain rasa rendah diri, saya kerap berasa sesak dada. Badan kadangkala rasa tegang dan penat jika berdiri terlalu lama. Tulang belakang seolah-olah tertolak ke kanan dan membuatkan saya rasa tidak selesa ketika baring atau duduk.

Masalah ini juga menyekat ketinggian saya. Ada juga rasa malu, tetapi saya tidak terlalu memikirkannya kerana nanti akan menyebabkan saya sedih. Saya tidak mahu putus asa. Kalau boleh, saya mahu cepat jalani pembedahan penanaman implan supaya badan boleh berjalan tegak kembali seperti orang lain, katanya.

Sebenarnya harga RM 18,000 hanya untuk kos implan bagi menegakkan semula tulang belakang yang bengkok. Walaupun pembedahan hanya dapat membetulkan 80 peratus, ia cukup bermakna bagi remaja seperti Siti Noraini. Pembedahan perlu dijalankan segera kerana jika dibiarkan, tulang belakangnya akan menjadi lebih bengkok dan menyebabkan posisi badannya beralih arah. Selain itu, bagi kes teruk, tulang rusuk akan mengambil ruang pada paru-paru, menyebabkan pesakit mengalami kesukaran bernafas.

Pembedahan beliau dijangka dijalankan pada 12 September ini dan mana-mana pihak yang ingin menghulurkan bantuan boleh menyalurkan sumbangan kepada Unit Kebajikan, Bahagian Kewangan NSTP, The New Straits Times Press (M) Bhd, Balai Berita, 31 Jalan Riong, Kuala Lumpur atau menghubungi talian 03-22823131 sambungan 6659.

Pertumbuhan Tulang tidak normal

Skoliosis idiopatik banyak berlaku pada remaja perempuan dan sehingga kini puncanya masih menjadi misteri

Tulang belakang tonggak kepada bentuk tubuh yang memberi sokongan terhadap berat badan dan kepala. Ia bertanggungjawab melindungi korda spina iaitu alat komunikasi dalam tubuh.

Tulang belakang membabitkan 26 tulang kecil yang mudah lentur tersusun dalam garisan lurus memanjang dari dasar tengkorak ke tulang kecil di belakang.

Namun dalam sesetengah keadaan, jajaran lurus ini tersasar ke sisi disebabkan ketidaknormalan vertebra, otot atau saraf. Akibatnya, tulang belakang terkeluar daripada garisan lurus dan membengkok ke satu sisi, sama ada kiri atau kanan. Keadaan ini dipanggil skoliosis.

Skoliosis boleh dianggap masalah pertumbuhan tulang tidak normal yang biasa berlaku pada remaja, terutama perempuan. Skoliosis bermakna tulang belakang seseorang pesakit menjadi bengkok ke kiri atau kanan yang menyebabkan bahu tidak sama tinggi.

Gangguan pertumbuhan tulang belakang boleh berlaku disebabkan jangkitan, kemalangan atau tanpa sebab tertentu. Skoliosis idiopatik biasanya berlaku pada awal usia remaja dan sehingga kini punca masalah tulang belakang ini masih menjadi misteri.

Walaupun kebanyakan kes membabitkan remaja, skoliosis boleh berlaku pada kanak-kanak dan bayi. Di setiap negara dianggarkan kira-kira tiga peratus penduduk mengalami skoliosis dan kebanyakannya perempuan dengan nisbah tiga pesakit perempuan kepada seorang pesakit lelaki.

Mengapa ia lebih banyak menyerang remaja perempuan juga tidak diketahui. Ada pakar perubatan berpendapat skoliosis penyakit keturunan, tetapi tiada siapa tahu bagaimana ia boleh berlaku dan faktor genetik hanya menyumbang kepada 10 peratus kepada risiko penyakit ini. Bagaimanapun saudara terdekat, terutama adik-beradik, mempunyai risiko tinggi untuk mendapat penyakit sama.

Biasanya skoliosis muncul pada umur remaja, tetapi ia boleh berlaku selepas seseorang pesakit meningkat dewasa. Kadangkala skoliosis pada orang dewasa lebih teruk kerana penyakit ini sebenarnya bermula secara perlahan-lahan ketika pesakit masih remaja dan tidak diberikan rawatan.

Puncanya masih tidak diketahui dan ia boleh berlaku pada sesiapa saja. Seseorang itu dikatakan mengalami skoliosis apabila tulang belakangnya mula bengkok ke satu sisi, sama ada kiri atau kanan melebihi 10 darjah. Daripada jumlah ini, 0.5 peratus pesakit mengalami masalah tulang belakang bengkok melebihi 20 darjah, 0.2 peratus melebihi 30 darjah dan 0.1 peratus melebihi 40 darjah.

Ada yang berpendapat masalah ini menjadi lebih buruk apabila pesakit menggalas beg berat. Namun kajian membuktikan dakwaan ini tidak benar kerana punca sebenar skoliosis masih tidak diketahui.

Nisbah pesakit perempuan yang mengalami masalah tulang belakang bengkok melebihi 30 darjah terhadap pesakit lelaki adalah 9:1. Ini bermakna pesakit perempuan lebih ramai mengalami masalah skoliosis teruk berbanding lelaki.

Menurut **Pakar Perunding Pembedahan Ortopedik Tulang Belakang Sri Kota Specialist Medical Centre Klang, Dr Siow Yew Siong**, skoliosis menyebabkan pesakit mengalami masalah bentuk badan yang tidak seimbang antara bahagian kiri dan kanan.

Jenis Skoliosis

Kata Dr Siow, skoliosis boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu struktural dan bukan struktural.

Skoliosis bukan struktural boleh disebabkan oleh:

- Tabiat yang tidak baik seperti membawa beg berat pada sebelah bahu saja (menyebabkan sebelah bahu menjadi tinggi), postur badan yang tidak elok (seperti selalu membongkok atau badan tidak seimbang).
- Kaki tidak sama panjang.
- Kesakitan, contohnya disebabkan masalah siatika (sakit yang dirasai dibelakang dan sisi luar paha, betis dan kaki akibat kemerosotan atau kerosakan cakera di antara tulang vertebra dan menekan saraf).

Skoliosis Struktural

Jenis ini disebabkan pertumbuhan tulang belakang yang tidak normal. Ia boleh dikesan apabila:

- Bahu atau pelvis seseorang pesakit tidak sama tinggi.
- Tulang rusuk pada sebelah badan terlonjol ke depan menjadi lebih tinggi, manakala sebelah lagi terperosok ke dalam.
- Badan mungkin terpusing ke satu arah.
- Kedudukan punggung juga tidak selari dengan badan atas dan keadaan ini dipanggil peralihan batang tubuh (truncal shift).
- Badan kiri dan kanan menjadi tidak simetri.

Menurut Dr Siow, skoliosis tiada gejala awal. Kesannya hanya dapat dilihat apabila tulang belakang mulai bengkok. Jika keadaan bertambah buruk, skoliosis boleh

menyebabkan tulang terlonjol keluar dan pesakit mungkin mengalami masalah sakit belakang serta sukar bernafas.

Kajian menunjukkan tulang belakang pesakit skoliosis menjadi bertambah bengkok dengan pertambahan satu darjah setiap tahun.

Antara faktor yang boleh menyebabkan masalah skoliosis bertambah buruk ialah:

- Proses pembesaran.
- Jantina 'C' Masalah skoliosis biasanya lebih teruk dikalangan remaja perempuan berbanding lelaki.
- Umur 'C' Lebih awal seseorang pesakit mendapat skoliosis, kebarangkalian untuk penyakit menjadi teruk lebih besar. Walaupun secara umumnya ia lebih banyak berlaku pada remaja, kanak-kanak juga boleh mengalami masalah ini hingga lapan tahun.
- Darjah lengkungan atau kebengkokan tulang belakang sama ada bentuk 'S' atau 'C'. Biasanya jika lebih besar tulang belakang bengkok, risiko untuk menjadi teruk.

Lokasi 'C' Lengkungan pada bahagian tengah atau bawah tulang belakang biasanya jarang bertambah teruk. Masalah skoliosis hanya bertambah buruk jika ia berlaku pada bahagian atas tulang belakang, menyebabkan badan belakang pesakit bertonjol keluar dan kelihatan bongkok.

- Masalah tulang belakang ketika dilahirkan 'C' Skoliosis pada kanak-kanak yang dilahirkan dengan penyakit ini (dipanggil skoliosis kongenital) berisiko tinggi menjadi teruk dengan cepat.

Oleh kerana skoliosis tidak menyebabkan kesakitan, masalah ini jarang diberi perhatian dan rawatan hingga postur badan berubah. Malah, ramai pesakit dan ibu bapa tidak sedar kemunculan awal penyakit ini.

Dalam kebanyakan kes, skoliosis hanya diberi perhatian apabila pesakit mula menitikberatkan soal penampilan diri. Walaupun ia tidak mendatangkan kesakitan, rata-rata pesakit berasa malu, rendah diri, dan ini menjejaskan keyakinan terhadap diri sendiri.

Malangnya di negara kita tiada ujian dilakukan untuk mengenal masalah ini pada kanak-kanak sekolah seperti dijalankan di Singapura dan Hong Kong. Banyak kes di negara ini disedari tanpa sengaja oleh ahli keluarga, kata Dr Siow.

Beberapa ujian mudah boleh dilakukan untuk mengenali skoliosis, iaitu ujian Adam. Ia boleh dilakukan oleh ibu bapa di rumah. Pesakit perlu berdiri (tanpa memakai kasut) dan membongkokkan badan ke depan sehingga 90 darjah. Lihat kedudukan badannya. Jika badannya senget atau tinggi sebelah, bermakna tulang belakang anak anda ada masalah.

Satu cara lagi ialah melihat keselarian antara badan atas dan bawah dengan memegang benang yang digantung pemberat dan letakkannya di tengah badan. Jika anak mengalami skoliosis, ia mudah dilihat kerana bahagian badan bawah tersasar ke kiri atau kanan. Namun jika masih tidak pasti, bawa anak ke hospital untuk menjalani pemeriksaan fizikal atau ujian sinar-x untuk mengesahkannya.

Walaupun skoliosis tidak mendatangkan rasa sakit, ia perlu dirawat seawal mungkin. Tanpa rawatan, tulang belakang menjadi semakin bengkok dan menimbulkan pelbagai komplikasi seperti :

- Kerosakan paru-paru dan jantung. Ini boleh berlaku jika tulang belakang membengkok melebihi 70 darjah. Tulang rusuk akan menekan paru-paru dan jantung, menyebabkan pesakit sukar bernafas dan cepat penat.

Malah, jantung juga akan mengalami kesukaran mengepam darah. Dalam keadaan ini, pesakit lebih mudah terdedah kepada jangkitan paru-paru dan pneumonia.

Sakit tulang belakang. Semua pesakit, sama ada dewasa atau kanak-kanak berisiko tinggi mengalami masalah sakit belakang kronik. Jika tidak dirawat, pesakit mungkin boleh menghidap masalah sakit sendi. Tulang belakang juga mengalami lebih banyak masalah apabila pesakit berumur 50 atau 60 tahun.

Masalah imej.

- Biasanya pesakit berasa rendah diri, malu dan kurang yakin untuk berdepan orang lain kerana badan mereka tidak seimbang, tinggi atau senget sebelah.

Kemurungan.

- Ini antara masalah psikologi yang paling dikhuatiri pakar perubatan.
- Pesakit akan lebih mudah mengalami kemurungan dan rasa sedih melampau.

Rawatan

Kata Dr Siow, tujuan utama rawatan adalah mengelak tulang belakang terus membengkok. Sehingga kini tiada kaedah boleh digunakan untuk menyembuhkan penyakit ini. Antara kaedah popular ialah menggunakan 產racing dan pembedahan.

Bagaimanapun, bukan semua masalah skoliosis memerlukan rawatan. Ia tertakluk kepada keadaan pesakit. Namun rawatan awal sangat penting untuk mengawal masalah tulang belakang daripada terus membengkok.

Dulu rawatan skoliosis menggunakan kaedah bracing, iaitu dengan meletakkan alat khas pada belakang badan atau bawah ketiak. Bagaimanapun, ia kurang popular kerana alat itu perlu dipakai sepanjang hari dan malam, menyebabkan pesakit berasa tidak selesa.

Pesakit perlu menjalani ujian sinar-x terlebih dulu untuk diketahui sama ada keadaan tulang belakang mereka menjadi semakin teruk. Biasanya rawatan dimulakan dengan penggunaan bracing dan pembedahan hanya dilakukan jika tulang belakang menjadi semakin melengkung.

Kajian di kalangan pesakit yang menggunakan bracing menunjukkan hampir 40 peratus tetap mengalami masalah tulang belakang semakin bengkok, tetapi 70 peratus pesakit yang tidak menggunakan kaedah ini keadaan tulang belakang mereka menjadi lebih teruk.

Bracing tidak menyembuhkan skoliosis. Ia hanya mengawal keadaan daripada bertambah buruk. Alat ini perlu dipakai selama beberapa tahun dan keadaan pesakit dipantau setiap enam bulan bagi melihat kesannya.

Dr Siow Yew Siong boleh di hubungi di 03 - 3373 3636 samb. 7140 dan 7139.